

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, 17 December, 2019 3:13 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pensyarah Kanan IBS Ungguli Kejohanan Golf Piala Presiden 2019



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

17 DISEMBER 2019 / 20 RABIULAKHIR 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: KGRUUM

PENSYARAH KANAN IBS UNGGULI KEJOHANAN GOLF PIALA PRESIDEN 2019



UUM ONLINE: Pensyarah kanan, Ali Badron Mokhtar dari Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS) telah menggungguli Kejohanan Golf Piala Presiden 2019, baru-baru ini.

Presiden KGRUUM, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani yang juga Naib Canselor berkata, kejohanan tersebut merupakan acara kemuncak tahunan yang dianjurkan Kelab Golf dan Rekreasi UUM (KGRUUM).

Menurutnya, beliau merakamkan penghargaan dan tahniah kepada semua pemenang untuk siri tahun ini dan semua pemain serta jawatankuasa terlibat dalam penganjuran kejohanan.

"Semoga dengan penglibatan semua ahli KGRUUM akan meningkatkan lagi *visiblity* padang golf UUM, bukan sahaja dalam kalangan pemain golf di utara Semenanjung Malaysia malah juga dapat mempromosikannya kepada pemain golf dari luar negara seperti Thailand," katanya.

Pada kejohanan kali ini, ahli KGRUUM berpeluang bermain golf 18 lubang di padang golf UUM yang cukup mencabar.

Sementara itu, Pengarah kejohanan, Mohd Zulkifli Mohd Noor berkata, beliau berterima kasih kepada Naib Canselor kerana memberi kepercayaan untuk menganjurkan kejohanan itu, selain jawatankuasa penganjur yang telah menunjukkan komitmen tinggi untuk menjayakan kejohanan tersebut.

Menurutnya, beliau berharap lebih ramai staf UUM akan menyertai KGRUUM sebagai ahli dalam menyemarakkan lagi kemeriahan sukan dan memanfaatkan kemudahan sukan golf yg disediakan oleh UUM.

Selain Ali Badron Mokhtar yang telah menjuarai kejohanan itu dgn bermain 7 di bawah par, tempat kedua diungguli Isa Abu Bakar yang juga bermain 7 dibawah par dan tempat ke-3 dimenangi oleh pendatang baru, Asyraf Othman, juruteknik dari Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan yang bermain 5 dibawah par.

Kemenangan ketiga pemain itu melayakkan mereka untuk menyertai Kejohanan Golf Battle of Champion (BOC) yang diadakan di Kota Seriemas Golf & Country Club pada 16 dan 17 Januari 2020.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.